

**SUWARMA AL-MUCHTAR  
ANDI SUWIRTA \*)**

# **Menghidupkan Semula Etika dan Nilai-nilai Murni Demokrasi dalam Konteks Autonomi Negeri: Kes Indonesia**

## **ABSTRACT**

*This paper discusses the vision of democracy, the various efforts to enlighten the ethics and good values in practicing democracy, especially in the relation to the current multi-dimensional political crises currently faced by the Indonesians after the 1998 Reformation movement until today. The realization of the Regional Autonomy Act in 1999 had however directly been reducing the authority of Central Government in Indonesia. This had significantly been worrying the existence of national integration. The emergence of many crises after 1997 had caused very bad social conflict be it horizontally or vertically, where at the end had jeopardized the living of Indonesians. Realizing the thinking and practicing the good values of democracy in the context of political culture of Indonesia is being viewed by this working paper as important especially to the government and the people in practicing the "Rechstaats" vision and diminishing the "Machstaats". Therefore, exemplary governmental leadership, upholding legal correctness and justice and continuous learning and teaching process of good values in moral education, civic and law will be part of the suggestion in this paper.*

**Key words:** ethical concept and good values, regional autonomy act, democracy education and the role of social science and humanity scholars.

---

\*)**Prof. Dr. Suwarma Al-Muchtar** adalah Profesor Pengajaran Sosial dan Dekan Fakulti Pendidikan Sains Sosial UPI (Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung. Beliau lahir di Garut, Jawa Barat, pada 11hb Februari 1953. Menamatkan Program Dr. Pendidikan IPS di Sekolah Pascasiswazah IKIP Bandung tahun 1995. Menulis buku, di antaranya adalah *Pengantar Studi Sistem Politik Indonesia* (Bandung: Gelar Pustaka Mandiri, 2001). Beliau boleh dihubungi dengan alamat jabatan: Fakulti Pendidikan Ilmu Pengetahuan Sosial UPI, Jl.Dr. Setiabudhi No.229 Bandung 40154, Jawa Barat, Indonesia. E-mail: [sam@upi.edu](mailto:sam@upi.edu)

**Andi Suwirta, M.Hum.** adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Sejarah FPIPS UPI. Beliau dilahirkan di Subang, Jawa Barat, pada 9hb Oktober 1962. Menamatkan Sarjana (M.Hum.) dari Program Pengajaran Ilmu Sejarah Pascasiswazah UI (Universiti Indonesia) Jakarta tahun 1996, dengan menulis tesis masternya, dan diterbitkan, mengenai *Suara dari Dua Kota: Revolusi Indonesia dalam Pandangan Suratkabar Merdeka (Jakarta) dan Kedaulatan Rakjat (Yogyakarta), 1945-1947* (Jakarta: PN Balai Pustaka, 2000). Beliau boleh dihubungi dengan alamat: Komp. Vijaya Kusuma B-11 No.15-16 Cipadung, Bandung 40614, Jawa Barat, Indonesia. E-mail: [suciandi@upi.edu](mailto:suciandi@upi.edu)

## PENGENALAN<sup>1</sup>

Krisis multidimensi masih lagi mewarnai proses kehidupan bangsa Indonesia sebaik saja gerakan Reformasi didedahkan pada tahun 1998, termasuklah dalam hal ehwal kehidupan demokrasi. Kemalapan politik yang berterusan sehingga kini dikhuwatirkan akan menjaskankan perpaduan atau integrasi bangsa Indonesia. Begitu pun dalam perkara undang-undang (hukum), kemalapan politik ini sungguh membimbangkan wujudnya supremasi undang-undang, iaitu upaya untuk menegakkan keadilan serta memberi rasa selamat dan tertib di dalam masyarakat Indonesia. Kemalapan politik yang tidak cekap ditadbir dengan telus ini pada akhirnya akan menyeleweng daripada halatuju gerakan Reformasi itu sendiri; dan berpunca pada melemahnya upaya mencerdaskan kehidupan politik bangsa Indonesia (Mann, 1999).

Dalam pada itu perbalahan politik di Indonesia pada awal abad ke-21, sama ada bercorak vertikal mahupun horizontal, telah melemahkan rasionaliti dan pemikiran dalam dataran praksis. Perbalahan politik, yang juga dikongsi oleh kemalapan ekonomi secara berterusan, berpunca daripada akumulasi dalam dataran masa yang panjang, yang juga pada akhirnya melemahkan lagi amanah ahli-ahli masyarakat terhadap berbagai jabatan kuasa di Indonesia. Masalah perdana yang didepani oleh bangsa Indonesia sekarang ini, dan untuk masa hadapan, adalah bagaimana menyelamatkan kehidupan demokrasi agar selari, bahkan tetap memperkasakan perpaduan (integrasi) kebangsaan.

Kertas kerja ini cuba untuk membagi pemikiran secara konsepsual dan solusi strategik didalam mengambil kira dan mengambil berat terhadap masalah-masalah di atas, khasnya apabila dihubungkaitkan dengan konteks autonomi negeri (daerah) yang berlaku di Indonesia sejak 1999. Kami berhujah dan bercadang

---

<sup>1</sup>Kertas kerja ini pernah dibentang dalam *International Conference on Lifelong Learning* (ICLL) di Fakulti Pendidikan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia). Kami merakamkan jutaan terima kasih kepada Rektor UPI (Prof.Dr.H. Sunaryo Kartadinata); Timbalan Rektor II UPI (Prof.Dr.H. Ishak Abdulhak); dan Timbalan Rektor IV UPI (Prof.Dr.H.A. Chaedar Alwasilah) yang mana mereka telah membagi izin dan saguhati untuk mengikuti seminar antarabangsa di Malaysia. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam kertas kerja ini tidak wujud kena-mengena dengan mereka, tapi menjadi tanggungjawab akademik kami berdua.

bahawa dengan memperkasakan etika dan nilai-nilai murni demokrasi dalam pelbagai aspek kehidupan melalui pembinaan pendidikan, termasuklah kesedaran politik daripada pihak kerajaan, maka ianya akan memiliki kesan yang strategik bagi kehidupan bangsa dan negara Indonesia. Oleh itu diperlukan keberanian dari mana-mana pihak untuk menghidupkan semula etika dan nilai-nilai murni dalam demokrasi melalui pembinaan pendidikan yang bersepada dan berterusan sebagai arus perdananya (Mursh, 2000).

Strategi dan kaedah yang jitu patut dipilih kerana ianya diyakini secara empirikal boleh mempertingkatkan kualiti kehidupan demokrasi yang cenderung tidak perkasa kerana direduksi dan dicemari oleh praktikal yang tidak sihat dan matang didalam sistem kerajaan yang autoritarian. Sistem politik yang sebegini pada akhirnya akan menjadikan kualiti kehidupan demokrasi terasing sama sekali daripada etika dan nilai-nilai murni demokrasi. Hal ini juga secara konsepsual berpunca daripada kecenderungan bahawa amalan demokrasi secara empirikal berasingan pula dengan nilai-nilai ideal dan normatif dalam demokrasi itu sendiri.

### **KERAJAAN YANG DEMOKRATIK DI INDONESIA: DI ANTARA MACHSTAATS DAN RECHSTAATS**

Memandangkan pengalaman kerajaan-kerajaan yang pernah mentadbir Indonesia, sama ada pada masa kerajaan Orde Lama (1959-1965) di bawah kepimpinan Presiden Soekarno mahupun kerajaan Orde Baru (1965-1998) di bawah kepimpinan Presiden Soeharto, menampakkan bahawa amalan mentadbir negara setakat menghala-tuju pada kekuasaan dan mengabaikan prinsip-prinsip kedaulatan rakyat. Fenomena ini pada akhirnya menjadikan kerajaan yang mentadbir di Indonesia cenderung pada amalan kuasa yang bersifat elitis dan autoritarian. Sesetengah pengamat sains sosial dan politik ramai yang menjangka bahawa wawasan kuasa yang diamalkan oleh Presiden Soekarno pada masa Orde Lama dan Presiden Soeharto pada masa Orde Baru memang tidak demokratik; dan semuanya itu berpunca daripada munculnya krisis politik. Oleh itu, krisis yang didepani oleh bangsa Indonesia sekarang ini, tidaklah melampau, apabila diserupakan juga dengan wujudnya krisis didalam nilai-nilai murni demokrasi (Mahfud M.D., 1999).

Mengambil kira pengalaman dan perkembangan politik di Indonesia setakat ini adalah betul kiranya apabila amalan kerajaan yang sentralistik dan elitis cenderung mengesankan semangat dan kehidupan demokrasi menjadi lemah. Begitu pula dengan partisipasi politik dan wacana demokrasi bagi pihak am menjadi sempit. Kontrol sosial daripada masyarakat yang diperlukan untuk menegakkan kehidupan demokrasi dan mengawal undang-undang agar tidak diselewengkan oleh kerajaan ternyata juga tidak fungsional sepertimana yang dihasratkan (Hikam, 1996). Dalam konteks demikian, posisi warga negara merupakan objek sahaja daripada "kekuasaan negara", bukan sebagai subjek yang berpelakon secara *agents* dalam kehidupan demokrasi. Kelemahan masyarakat *vis a vis* kerajaan Orde Baru ini berpunca daripada rekayasa yang diamalkan oleh pihak penguasa dengan memposisikan hasrat dan cita-cita warga negara secara "formalistik" sahaja. Kondisi ini digesa lagi oleh pendekatan keselamatan (*security approach*) yang diamalkan sangat kuat dalam masyarakat sehingga penguatkuasaan undang-undang menjadi lemah (Hikam, 1996; dan Mahfud M.D., 1999).

Perbezaan di persekitaran elite politik dan jawatan pentadbiran politik pada masa Orde Baru kerapkali tidak diselesaikan secara demokratik. Dasar "musyawarah untuk muafakat" dalam Rukun Negara Indonesia, iaitu Pancasila, ternyata hanya merupakan amalan politik demokrasi yang pura-pura sahaja, kerana dalam *real* politik, proses "muafakat" itu telah diarah (dengan diugut, sama ada secara halus mahupun kasar) oleh pihak kerajaan. Pancasila nampak setakat dijadikan sebagai alat retorika politik bagi pihak kerajaan (Budiardjo, 1999). Sikap dan tindak-laku politik yang berwawasan kenegarawanan, sepertimana diamalkan oleh para *the founding fathers* negara Republik Indonesia, makin terhakis seiring dengan menguatnya tindak-laku politik berasas kepetingan sesaat daripada kumpulan-kumpulan sektarian yang tidak berorientasikan kebangsaan. Ini semua adalah merupakan cabaran bagi pendidikan demokrasi yang sihat dan matang di Indonesia.

Salah sebuah pendekatan yang kurang diambil berat dalam upaya mengenal pasti akar umbi masalah demokrasi adalah bagaimana boleh mencerdaskan kehidupan bangsa? Hasrat dan cita-cita ini sememangnya telah dinyatakan dalam perlembagaan negara,

iaitu Mukadimah UUD (Undang-Undang Dasar) 1945. Tapi hasrat, cita-cita dan wawasan yang masih normatif ini kurang lagi diamalkan, sama ada dalam pelan dan rancangan kerajaan mahupun strategi dan siyasah politik yang jitu sehingga ianya wujud dalam realiti. Wawasan dan dasar politik kerajaan sepatutnya mengandungi upaya untuk mempertingkatkan kualiti warga negara sebagai subjek politik yang akan menjadi faktor determinan dalam mekanisme dan amalan demokrasi (Al-Muchtar, 2001). Sepertimana telah dicontohkan oleh negara-negara maju bahawa memang wujud hubungan antara peringkat pendidikan dan kualiti modal insan dengan kemajuan dan kematangan (*maturity*) dalam amalan politik dan demokrasi (Brownhill, 1989; dan After, 1997). Pada Indonesia, nampaknya, proses pendidikan politik itu masih setakat diertikan sempit seperti konsep "partisipasi, melek politik (*political literacy*), tunjuk perasaan, pandai berucap" dan sebagainya (Hikam, 1996; Mann, 1999; dan Al-Muchtar, 2002). Ertinya, pendidikan politik bagi masyarakat dan warga negara di Indonesia belum menyentuh aras keperluan yang paling asas, iaitu proses pendidikan yang sistematis dan bersepadu, serta diamalkan selama hayat dikandung badan (*life long education*).

Persoalan berkenaan di atas, apabila didekati oleh teori politik demokrasi dan diamalkan dalam konteks autonomi negeri di Indonesia, akan memunculkan banyak isu yang strategik. Misalnya, bagaimana memperkasakan kehidupan demokrasi dengan membina modal insan Indonesia yang cerdas, cekap dan matang secara politik? Bagaimana pula membina kehidupan demokrasi dalam alam pendidikan yang berteraskan nilai-nilai sosial-budaya yang khas Indonesia? Soalan-soalan ini penting sangat selari dengan usaha untuk memperkasakan dan menjayakan Indonesia sebagai "negara berperlembagaan" (*rechstaats*) yang demokratik, bukan "negara berkekuasaan" (*machstaats*) yang autoritarian. Sememangnya "negara berperlembagaan" pun telah termaktub dalam Konstitusi Negara, iaitu UUD (Undang-Undang Dasar) 1945. Namun, sama ada pada masa kerajaan Presiden Soekarno (1945-1967) mahupun pada masa kerajaan Presiden Soeharto (1967-1998), kedua beliau itu setakat mengklaim bahawa UUD 1945 dijadikan sebagai asas karajaan, tapi

dalam *real* politiknya menjadikan Indonesia ini sebagai “negara berkekuasaan” (Mahfud M.D., 1999; dan Al-Muchtar, 2001).

Ramai daripada ahli sains sosial, politik dan kemanusiaan yang menjangka (Hikam, 1996; Mahfud M.D., 1999; dan Al-Muchtar, 2001) bahawa fenomena *machstaats* di Indonesia, khasnya pada masa Orde Baru tahun 1980/1990-an, sebagai punca daripada kuasa Presiden – sebagai jawatan eksekutif – yang besar lagi apabila dibandingkan dengan jawatan-jawatan negara lainnya sama ada parlemen – sebagai legislatif (MPR, Majelis Permusyawaratan Rakyat; dan DPR, Dewan Perwakilan Rakyat) mahupun peradilan – sebagai yudikatif (MA, Mahkamah Agung; dan JAKGUNG, Jaksa Agung). Tidak juga melampau, apabila Taufik Abdullah (2001), ahli sejarah terbilang di Indonesia, berucap bahawa kerajaan Orde Baru telah menjadi representasi daripada “negara serakah” (*greed state*), kerana ianya mahukan mentadbir dan mengontrol semua perkara di dalam negara, termasuklah cara berpikir warga negaranya.

Sememangnya, pada masa kerajaan Orde Lama dan Orde Baru wujud kecenderungan untuk menjadikan Indonesia ini sebagai negara yang (1) *sentralistik*: semua ditadbir dan diarah oleh kerajaan pusat di Jakarta; (2) *uniformalistik*: semua harus serupa, dimulakan daripada ideologi negara, struktur kerajaan di pusat dan negeri, cara berpikir yang modernistik, hinggaan *uniform* baju budak-budak sekolah; serta (3) *militaristik*: dominasi kuasa tentera dalam kerajaan, cara berpikir yang dogmatik dan sikap berdisiplin yang kaku. Oleh itu, tidak hairan apabila sebaik sahaja rejim-rejim autoritarian itu tumbang, khasnya pada penghujung tahun 1990-an, masyarakat Indonesia mendambakan kehidupan yang lebih *demokratik*, *desentralistik* (nyahpusat), serta *demiliteristik* (anti dwifungsi TNI, Tentera Nasional Indonesia). Dalam konteks ini maka pada awal abad ke-21, muncul idea-idea tentang kepentingan amandemen (kaji semula) terhadap UUD 1945, keperluan pada autonomi negeri, serta reformasi terhadap peranan TNI. Kesan daripada idea-idea itu masih wujud dan terus berproses hinggaan sekarang ini (Diamond & Marc, 1998; Mann, 1999; dan Al-Muchtar, 2004).

## **WAWASAN YANG MEKANISTIK DALAM SAINS SOSIAL SERTA KESANNYA BAGI KEHIDUPAN YANG DEMOKRATIK**

Sains pada amnya, khasnya sains sosial dan kemanusiaan lagi, menunjukan peranan yang terhad didalam mengambilkira dan membagi solusi dalam mengedepani pelbagai cabaran umat manusia di alam ini. Ianya terhad kerana berpunca daripada karakteristik cabaran itu sendiri yang dikongsi oleh perubahan-perubahan sosial yang laju akibat invensi dan inovasi sains dan teknologi, khasnya teknologi maklumat yang merentasi sempadan antara negara-bangsa. Sememangnya, cabaran tidak muncul secara simpel, bahkan ianya wujud tak berstruktur dan kompleks lagi. Sementara itu, perkembangan sains sosial dan kemanusiaan tidak sepantas dengan perkembangan invensi dan inovasi sains tabii dan teknologi maklumat, termasuklah didalam kaedah memecahkan masalah dan merespons cabaran berkenaan (Capra, 1997; dan Sherley, 1999).

Sememangnya pula paradigma sains sosial dan kemanusiaan, termasuklah sains pendidikan, setakat ini sangat dikesani oleh wawasan yang mekanistik dan linieristik lagi. Wawasan berkenaan menjadikan kedudukan dan peranan sains sosial dan kemanusiaan sudah tidak relevan kerana pelbagai masalah sosial dan cabaran yang rumit lagi. Wawasan yang mekanistik, khasnya, menjadikan umat manusia setakat diarah untuk selalu berpikir sistematik, rasional dan terukur dengan nilai-nilai murni yang dapat dikuantifikasi dan dikira secara statistik. Mengikut pendapat Anwar Ibrahim (1998), mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, bahawa angka-angka ini (sama ada peratus atau purata) boleh menakjubkan dan memberangsangkan, tapi apa makna dan kesan sebenar untuk kehidupan, kesejahteraan dan kemajuan umat manusia dalam proses pembangunan bangsa? Dengan erti kata lain, pendedahan yang bercorak kuantitatif itu, apabila tidak diambilkira secara bijak dan awas, akan mengelirukan makna sebenar dalam proses kehidupan sosial dan kemanusiaan. Angka pertumbuhan ekonomi boleh tinggi, peratus partisipasi politik warga negara boleh signifikan, purata peringkat pendidikan masyarakat boleh menaik terus, tetapi semua itu belum tentu wujud korelasi yang positif dengan kehidupan demokrasi, kesejahteraan sebenar, penghargaan pada hak-hak asas manusia, serta hasrat dan hala tuju pembangunan yang bersepadu lainnya.

Di sisi lain kerap kali berlaku bahawa fakta sosial itu tidak bersifat semulajadi, tapi telah diubah-suai setakat untuk memenuhi legitimasi "sainstifik yang mekanistik". Kondisi ini berpunca daripada kemandulan dan ketidakupayaan sains sosial dan kemanusiaan didalam melihat dan mengguna-pakai kebenaran secara semulajadi. Fenomena ini juga telah melahirkan kritik logika internal pada sains sosial dan kemanusiaan, termasuklah sains pendidikan, dalam menghampiri masalah sosial dan cabaran seperti demokratisasi dalam suasana Reformasi di Indonesia (Al-Muchtar, 2000).

Walau bagaimanapun, wawasan yang bercorak mekanistik dalam sains sosial dan kemanusiaan berkenaan, patut diiktiraf secara jujur, wujud banyak kekurangan. Selain ianya kurang relevan dalam menjawap cabaran semasa, juga telah berpunca daripada kerosakan tamadun dan alam persekitaran umat manusia. Alam persekitaran setakat menjadi objek yang dieksplotasi secara berterusan. Tamadun manusia yang sepatutnya agung dan bersepada pun setakat berorientasikan pada materialisme dan hedonisme sahaja. Oleh itu, wawasan yang mekanistik dalam sains sosial dan kemanusiaan harus sudah dibaiki semula kerana ianya hanya fokus pada setiap solusi masalah yang kecil, remeh-temeh dan simpel. Sedangkan cabaran semasa dan masa hadapan di alaf baru bukanlah yang kecil, remeh-temeh dan simpel lagi, tapi yang bersifat global, asas dan bersepada (Al-Muchtar, 2004). Sebagai contoh, isu terorisme yang melanda negara Indonesia, dan negara-negara di rantau Asia Tenggara, pada awal abad ke-21 merupakan punca dari cara berpikir yang mekanistik sehingga ianya tidak boleh dikawal, sama ada asas dan krusial atau tidak, bagi keselamatan sosial dan tamadun umat Islam di Indonesia.

Balik semula kepada masalah mencerdaskan kehidupan bangsa dalam konteks demokrasi di Indonesia. Setakat ini amalan demokrasi di Indonesia juga masih mengguna-pakai strategi, pendekatan dan kaedah yang mekanistik. Cara-cara seperti itu, tentu saja, akan menghakis makna demokrasi yang sebenar. Sepatutnya lahir strategi, pendekatan dan kaedah dalam amalan demokrasi itu mengguna-pakai wawasan yang holistik dan bersepada agar ianya kontekstual dengan kehidupan sosial dan budaya Indonesia. Sebagai contoh, partisipasi warga negara dalam Pilihan Raya tidak patut setakat

diiktiraf signifikan kerana purata atau peratusnya menaik, tapi apa makna sebenar daripada hasrat, cita-cita dan aspirasi warga negara yang partisipasi politiknya "menaik" itu tentang kerajaan yang demokratis, selari dengan wawasan "negara kesejahteraan" (*welfare state*). Dengan erti kata lain, perspektif mekanistik yang bersifat tekstual sepatutnya ditukar dengan perspektif yang holistik, bersepakat dan kontekstual (Simandjuntak, 1993).

Kesan daripada wawasan mekanistik dalam sains sosial dan kemanusiaan, termasuklah sains pendidikan, di Indonesia sangatlah kuat. Pengajian demi pengajian setakat diamalkan untuk memenuhi hasrat politik dan prosedur pentadbiran sahaja. Kritisisme dalam analisis pengajian dan cadangan yang konstruktif dalam dapatan penyelidikan kurang digalakkan atau bahkan tidak wujud kenamengena dengan amalan demokrasi. Fenomena seperti ini, sama ada di Indonesia disebut "birokratisasi ilmu-ilmu sosial dan humaniora" atau di Malaysia disebut "kratonisasi sains sosial dan kemanusiaan", berlaku sejak tahun 1960-an hingga sekarang ini (Abdullah ed., 2006; dan Abdul Rahman Embong ed., 2006). Dan lebih teruk lagi, kesan daripada wawasan yang mekanistik inilah sememangnya yang telah melahirkan tindak-laku manusia Indonesia yang tidak berwajah manusia, ketamadunan manusia yang tidak elok, serta perhambaan manusia yang satu oleh manusia lainnya, sama ada secara zahir mahupun mentaliti. Walau bagaimanapun, persekitaran politik di Indonesia telah berlaku kurang harmonis, serta kerap berlaku hegemoni dan usaha ekspansi daripada sekumpulan elite politik. Dengan erti kata lain, sistem sosial dan politik di Indonesia setakat ini lebih mementingkan "kompetisi" daripada "kolaborasi" sehingga ianya mengugut kebersamaan, persaudaraan, keharmonian, keselamatan, dan sebagainya (Shusta *et al.*, 1995; dan Al-Muchtar, 2002).

Sains sosial dan kumanusiaan sememangnya telah berkembang pesat, tapi ianya tidak selari dan bersepakat diantara sub-sub disiplin didalamnya. Ertinya, perkembangan sains sosial dan kumanusiaan, termasuklah sains pendidikan, kurang terkoordinasi secara sinergis dan simultan, tapi balik semula kepada sebuah perspektif yang terhad dan terkotak-kotak, sehingga berpunca daripada wujudnya jurang pemisah diantara sub disiplin sains yang mendukungnya.

Setakat ini memang digalakkan pendekatan yang interdisiplin dan multidisiplin didalam mengenal pasti dan memberi solusi pada masalah-masalah sosial, politik, budaya, ekonomi dan sebagainya (Kartodirdjo, 1992). Tapi pendekatan berkenaan masih lagi belum optimal. Perkara ini boleh menjadikan sains sosial dan kemanusiaan tidak cekap didalam mengedepani pelbagai cabaran semasa dan masalah-masalah sosial yang aktual (Al-Muchtar, 2000).

Dalam pada itu membina masyarakat dan warga negara yang cerdas dan bijak, dalam hubungkait dengan kehidupan demokrasi, sepatutnya ditaja oleh ahli sains sosial dan kemanusiaan. Hal ini dalam rangka memperkasakan paradigma sains bahawa nilai-nilai murni dan etika demokrasi sememangnya boleh diamalkan secara telus oleh para ahli sains sosial dan kemanusiaan. Apabila ini wujud dalam realiti komuniti ahli sains sosial, maka ianya akan memunculkan soalan ekoran yang kritikal, iaitu: "bagaimana boleh memperkasakan kedudukan dan peranan warga negara di Indonesia dalam menumbuhkembangkan nilai, wawasan dan kualiti demokrasi selepas dicontohi oleh komuniti ahli sains sosial? Soalan berikutnya adalah bagaimana impak daripada nilai, etika dan wawasan demokrasi berkenaan terhadap dasar, pelan dan strategi pembangunan di era desentralisasi (nyahpusat) dan autonomi daerah (negeri) di Indonesia, sama ada sekarang ini mahupun di masa hadapan?

Soalan-soalan kritikal berkenaan perlu didedahkan kerana wujud perubahan dalam kehidupan dan paradigma politik di Indonesia selepas era Reformasi ini. Sepertimana dimaklumkan bahawa era Reformasi di Indonesia yang dimulakan pada 1998, didalam wacana politik (*political discourse*), antara lain, dicorak oleh pola kehidupan politik yang berasas multi parti. Parti GOLKAR (Golongan Karya) yang pernah berjaya dan mentadbir kerajaan pada masa Orde Baru (1971-1998) kini setakat sebuah daripada banyak parti lain yang wujud di Indonesia (Mahfud M.D., 1998; dan Mann, 1999). Sememangnya, salah sebuah daripada semangat Reformasi memiliki kesan pada tumbuh-suburnya parti-parti politik di Indonesia.

Konfigurasi sistem politik yang baru ini pada awalnya mendapat respons yang memberangsangkan daripada masyarakat, namun dalam perkembangan berikut wujud juga yang berasa bimbang

bahawa sistem politik yang baru ini akan melahirkan kontra produktif bagi kehidupan yang demokratis. Hal ini juga berpunca daripada pengalaman demokrasi di Indonesia yang setakat ini masih lemah, terlebih lagi manakala wujud proses pertukaran kehidupan politik dari yang bernuansa autoritarian pada masa Orde Baru kepada kehidupan yang demokratis pada masa Reformasi. Justeru itu semangat Reformasi di Indonesia telah melahirkan masa transisi, yang kerap kali ditandai oleh *euforia* dan kebebasan yang tak terkawal, sama ada dalam wacana politik atau bahkan perbalahan politik (Diamond & Marc, 1999; dan Razaq Ahmad & Suwirta, 2007). Pada akhirnya perbalahan politik, sama ada yang bersifat vertikal mahupun horizontal, yang tidak ditadbir dan diselesaikan dengan telus telah dan akan memperlemah sistem politik yang sihat. Kondisi ini juga akan memperlemah lagi komitmen terhadap nilai-nilai murni dalam demokrasi.

#### **DASAR POLITIK DEMOKRASI, WAWASAN MASYARAKAT “MADANI” SERTA PERANAN AHLI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN DALAM KONTEKS AUTONOMI NEGERI**

Masa transisi dari kerajaan Orde Baru kepada Orde Reformasi yang dicorak oleh perbalahan politik di Indonesia, seperti didedahkan di atas, telah melahirkan peruntukan sosial (*social cost*) yang tinggi, iaitu perpaduan dan keselamatan nasional menjadi terugut. Sepertimana maklum bahawa kurangnya pengalaman didalam mentadbir perbalahan politik yang telus pada masa Orde Baru juga berpunca pada disintegrasi (nyah perpaduan) negara-bangsa Indonesia. Realiti politik pada masa Orde Baru ditafsir tidak secara semula jadi, tapi diubahsuai agar ianya tidak menimbulkan percanggahan di masyarakat. Bahasa politik juga dikawal secara kuat, sehingga realiti politik sebenar menjadi samar seperti: ayat “demonstrasi” menjadi “unjuk rasa” (tunjuk perasaan); “indoktrinasi” menjadi “penataran”; “kenaikan harga” menjadi “penyesuaian harga”; “ditangkap” atau “ditembak” menjadi “diamankan” atau “dibereskan”; dan sebagainya (Alwasilah & Abdullah eds., 2003). Dengan erti kata lain, perbalahan politik pada masa Orde Baru ditafsir sebagai nilai-nilai yang negatif kerana ianya akan merosakkan perpaduan nasional. Bahawa daripada perbalahan

politik itu – berdasarkan perspektif teori konflik – akan menimbulkan perubahan dan perpaduan nasional pula (Druverger, 1990), sama sekali dinafikan oleh kerajaan Orde Baru.

Oleh itu, salah sebuah alternatif kritikal pada masa Reformasi adalah dengan mengamalkan transformasi etika dan nilai-nilai murni dalam demokrasi yang berteraskan pada dimensi emosional yang kokoh dan kecerdasan intelektual yang matang (*maturity*) daripada warga negara Indonesia. Sekumpulan orang, misalnya, boleh melakukan tunjuk perasaan di jalanan, padang terbuka atau tempat-tempat awam lainnya, tapi ianya harus terkawal, tertib, tidak merosak fasiliti awam atau mengugut keselamatan orang lain. Bagi sesetengah orang luar atau pengamat asing – termasuklah masyarakat Malaysia, kami kira – kekerapan berlakunya tunjuk perasaan di Indonesia ini sangat membimbangkan dan menakutkan. Hal ini berpunca daripada ekspos media massa, sama ada akhbar atau radio dan televisyen, yang mendedahkan maklumat mengenai tunjuk perasaan dengan kerusuhan, kekerasan dan amalan teruk lainnya. Justeru dalam realiti politik di Indonesia, ramai penunjuk perasaan yang berlaku tertib, aman, terkawal dan bahkan seronok lagi kerana ianya diterajui oleh ahli-ahli pelakon di jalan (aksi teatrikal jalanan) yang kerap bersenda, bersifat komedi dan satiris. Perkara-perkara seperti ini yang kami namakan sebagai upaya “revitalisasi” (menghidupkan semula) etika dan nilai-nilai murni dalam demokrasi yang berteraskan sosial-budaya Indonesia. Dengan erti kata lain, konsep demokrasi yang universal itu cuba diubahsuai dan diamalkan selari dengan etika dan nilai-nilai murni yang hidup dalam konteks sosial dan budaya bangsa Indonesia (Eangle & Ochoa, 1998; dan Al-Muchtar, 2002).

Setakat ini kesedaran tentang demokrasi daripada warga negara Indonesia kurang mengambil berat di dalam pembinaannya. Konsep demokrasi hanya teori sahaja, tidak dikongsi dalam pengamalannya. Hal ini berpunca daripada kesalahan dalam memandangkan demokrasi sebagai “substitusi indoktrinasi” (tukar arah?), sehingga ianya menjadi jauh dari wacana pengajian awam. Kesan berkenaan lebih lanjut adalah bahawa demokrasi setakat dijadikan “mitos simbolik”, jauh daripada realiti sebenar sebagai sumber aspirasi dan kepentingan warga negara dalam kehidupan sehari-hari. Dengan erti

kata lain, etika dan nilai-nilai murni dalam demokrasi pun setakat dibincang dan diwacanakan, tidak diazamkan untuk diamalkan dan dirancang kaedah amalannya secara telus (Capra, 1997; dan Al-Muchtar, 1998).

Amalan demokrasi yang tidak telus ini juga nampak dalam jabatan legislatif (pembuat undang-undang) di negara Indonesia. Para ahli jabatan ini kerap kali menunjukkan, sepetimana dimaklumkan oleh akhbar dan televisyen tempatan, tindak-laku yang tidak demokratis, sama ada dalam berhujah, santun dan betul dalam berbudi bahasa mahupun malah bertumbuk secara zahir diantara sesama mereka. Fenomena dimana para ahli jabatan legislatif menunjukkan sikap yang tidak dewasa ini pernah dikritik oleh Presiden Abdurrahman Wahid (Gus Dur) pada tahun 2001 sepetimana Sekolah TADIKA (Taman Pendidikan Kanak-kanak). Dalam konteks ini betapa perlu teladan dan sikap bijak dari seorang negawaran, sepetimana yang telah ditunjukkan oleh para *the founding fathers* negara RI (Republik Indonesia), iaitu bahawa jawatan legislatif - termasuklah jawatan eksekutif (pentadbir kerajaan) dan yudikatif (pentadbir undang-undang) - adalah bermaruah, kerana itu harus ditadbir oleh ahli-ahli yang cekap, jujur, amanah, matang dan cerdik-pandai. Dalam sejarah Indonesia dimaklumkan tentang perbezaan visi dan misi politik berdemokrasi antara Soekarno (sebagai Presiden) dan Mohamad Hatta (sebagai Naib Presiden); pun wujud percanggahan pendapat tentang Rukun Negara antara Mohammad Natsir (utusan dari faksi Islam) dengan D.N. Aidit (utusan dari faksi Komunis) dalam jabatan parlemen tahun 1950/1960-an, tapi diantara mereka tetap mesra dan rapat bersahabat, tidak bergaduh dengan saling bertumbuk atau berucap tidak santun (Noer, 1996). Justeru itu, dalam konteks semasa, semangat dan keazaman daripada para ahli pentadbir negara di Indonesia semestinya ditunjukkan dengan sikap kenegarawanan dalam amalan demokrasi. Perkara ini penting kerana sikap dan tindak-laku warga negara amnya memandangkan sikap dan tindak-laku daripada elite politik di sesebuah negara untuk dicontohi, ditiru dan dirujuk.

Dalam pada itu, parti-parti politik dalam sesebuah negara pada asasnya merupakan aset dan pelaburan dalam berdemokrasi.

Mengikut teori politik bahawa antara parti politik dan demokrasi adalah rapat hubung-kaitnya, dalam erti kata parti politik merupakan instrumen bagi pembelajaran demokrasi, dan demokrasi boleh menumbuh-kembangkan wujudnya parti-parti politik (Druverger, 1990; dan After, 1997). Oleh itu parti-parti politik di Indonesia, khasnya para ahli elite politik, patut sedar bahawa kehidupan berdemokrasi yang sihat dan matang itu hanya boleh berjaya melalui proses pembelajaran yang berterusan (*life long learning*). Dengan erti kata lain, parti-parti politik patut terus berazam dan berjuang untuk mewujudkan pendidikan yang berterusan dan bersepada sebagai agenda utama nasional, misalnya dengan mempertingkatkan peruntukan bagi pendidikan sehingga mencapai angka 20 peratus daripada APBN (Anggaran Pendapatan dan Belanja Negara). Hal ini penting, kerana dari pengalaman negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara ini – sama ada di Malaysia dan Singapura mahupun di Thailand dan Vietnam – bahawa pendidikan adalah pelaburan modal insan untuk kemajuan sesebuah negara di masa hadapan, termasuklah untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan berdemokrasi (Gaffar, 2004; dan Supriadi, 2004).

Kualiti berdemokrasi sememangnya hanya boleh dicapai oleh kecekapan warga negara dalam berpolitik. Oleh itu warga negara di Indonesia juga patut memiliki kefahaman politik (*political literacy*) agar ianya tidak setakat faham mengenai mana-mana yang menjadi hak dan kewajiban tapi juga memiliki kebolehan dalam “kepekaan politik” (*political criticism*) yang selari dengan semangat Rukun Negara (Pancasila) dan Akta Negara (Undang-Undang Dasar 1945). Kefahaman dan kecekapan warga negara dalam berdemokrasi itu, tentu saja, harus dikongsi oleh para ahli elite politik yang juga sudah sepatutnya memiliki keterampilan dalam mentadbir negara (*state craft*). Sepertimana dinyatakan dalam UUD 1945 bahawa semangat “penyelenggara negara” atau pimpinan kerajaan adalah merupakan kunci dan teras bagi kejayaan implementasi (pengamalan) Rukun Negara, Akta Negara dan Undang-undang lainnya. Walau bagaimanapun, undang-undang hanyalah setakat instrumen, sepertimana “kurikulum” dalam konteks pelajaran dan pembelajaran, maka ianya tertaktuk kepada para ahli pimpinan negara dan warga negara untuk mengamalkannya secara betul.

Sepertimana kurikulum yang elok sekalipun, apabila tidak boleh diamalkan secara cekap dan telus oleh guru-guru dan pentadbir pendidikan lainnya maka ianya hanya setakat *document* sahaja, belum menjadi *curriculum in action* (Ibrahim, 2007; dan Hasan, 2007).

Memandangkan bahawa mempertingkatkan kualiti kehidupan demokrasi dan mencerdaskan warga negara Indonesia itu sangatlah penting, maka perlu pula kefahaman mengenai wawasan masyarakat "madani" (*civil society*), atau dalam wacana politik semasa masyarakat Malaysia sebagai *Islam Hadhari*. Bagi negara Indonesia, wawasan masyarakat "madani" (*civil society*) ini perlu terus didedahkan lagi, khasnya dalam hubung-kait dengan pengamalan dasar desentralisasi (nyah pusat) dan autonomi daerah (negeri). Justeru itu, dasar yang hujung ini apabila tidak membabitkan semangat dan keazaman wawasan masyarakat "madani" (*civil society*), maka ianya akan melahirkan sistem kerajaan negeri yang juga autoritarian, tidak demokratik, berorientasi perkauman, tidak berteraskan sistem merit dan korporat, serta tetap meriah dengan fenomena rasuah. Ramai ahli sains sosial dan kemanusiaan yang setakat ini melihat bahawa dasar desentralisasi dan autonomi negeri di Indonesia telah melahirkan "raja-raja kecil" (sama ada Gubernur pada peringkat negeri mahupun Bupati/Walikota, Camat dan Lurah pada peringkat wilayah di bawah negeri) yang kaedah berpikir, sikap dan tindak-lakunya tetap tidak berbeza dengan para ahli kerajaan Orde Baru dahulu: feodal, authoritarian, arogan, tak cekap, boros, rasuah, dan sebagainya (Wilson, 1999; Al-Muchtar, 2001; Abdullah, 2001). Dengan erti kata lain, penyakit KKN (Korupsi, Kolusi dan Nepotisme) pada masa Orde Baru dulu yang setakat tumbuh subur di pusat bandar Jakarta, kini menyebar ke pusat-pusat bandar pentadbiran negeri di seluruh rantau Indonesia.

Dalam konteks pengamalan wawasan masyarakat "madani" (*civil society*) di Indonesia, semua pihak muafakat bahawa peranan dan kedudukan parti-parti politik yang berdasarkan pada nilai-nilai murni dan etik sosial dalam berdemokrasi adalah sangat penting. Hal ini kerana parti politik yang sihat, matang, berwawasan masa hadapan dan bercita-cita memajukan rakyat akan merupakan modal sosial (*social capital*) yang boleh mengwujudkan negara yang berkeséjahteraan dan berkeadilan. Parti-parti politik juga patut

berkebolehan didalam membina dan mendidik ahli-ahlinya secara berterusan (*life long education*) agar mereka menjadi warga negara yang baik, taat setia, bangga, demokratis dan cintakan tanah air Indonesia. Dalam konteks pendidikan warga negara (*civic education*) terang didedahkan bahawa negara yang berteraskan masyarakat "madani", sejahtera dan adil adalah kesan daripada kualiti modal insan warga negaranya (Winataputra & Budimansyah, 2007).

Selanjutnya, berasaskan pada pendapat bahawa kemalapan politik, ekonomi dan sosial yang berlaku di Indonesia - walau bagaimanapun memiliki kesan yang mendalam bagi kemalapan kehidupan berdemokrasi - merupakan realiti yang tengah didepani oleh kerajaan Reformasi kini, maka perkara ini juga merupakan mercu tentang betapa perlu wujudnya upaya "revitalisasi" (menghidupkan semula) nilai-nilai murni dan etika dalam demokrasi. Nilai-nilai murni dan etika yang baik dalam demokrasi, dan amnya bersifat universal (kesejagatan), sama ada nilai-nilai kebebasan, persamaan dan persaudaraan mahupun etika sosial yang toleran, matang, santun, cekap, amanah, semangat dan cintakan tanah air, sepatutnya diamalkan dalam konteks budaya-politik Indonesia yang khas. Dengan erti kata lain, nilai-nilai dan etika dalam demokrasi yang masih abstrak dan ideal itu perlu dielaborasi (dihuraikan) secara terperinci dan boleh diamalkan dalam realiti politik yang khas Indonesia. Contohnya, nilai dan etika dalam "mesyuarat untuk muafakat" adalah merupakan warisan daripada *local genius* (jenius tempatan) yang boleh ditumbuhkembangkan selari dengan amalan demokrasi yang sihat dan matang. Begitu juga dengan nilai dan etika "waad" (*social contract*) dalam budaya Melayu perlu dipupuk terus agar pehak pimpinan negara, pengetua dan pentadbir kerajaan tidak sewenang-wenang dalam mengamalkan otoritinya (Rahman Embong, 2006).

Di dalam mengamalkan dasar desentralisasi (nyah pusat) dan autonomi negeri (daerah) di Indonesia diperlukan perubahan tidak hanya sistem politik yang bercorak struktural dan pertubuhan sahaja, tapi juga pertukaran dalam paradigma budaya. Pertukaran bersabit adalah wujudnya transformasi sosial dari budaya sentralistik yang autoritarian kepada budaya autonomi negeri yang demokratik. Oleh itu, sangat diperlukan pembinaan dan persediaan kualiti modal insan

di peringkat kerajaan negeri agar pentadbiran boleh diamalkan secara cekap, telus dan berjaya. Di sini juga pentingnya peranan daripada ahli-ahli sains sosial dan kemanusiaan, termasuklah ahli sains pendidikan, untuk membagi wawasan, ilmu, kaedah dan strategi pembangunan yang tepat untuk mana-mana negeri di Indonesia. Sepatutnya tak wujud lagi fenomena bahawa para ahli sains sosial dan kemanusiaan setakat NATO (*No Action, Talking Only*), sepertimana yang dinyatakan oleh Soedjatmoko (1986) bahawa paradigma dan struktur berpikir para ahli sains sosial dan kemanusiaan di Indonesia sejak tahun 1960/1970-an masih bercorak abstrak, parsial (kurang bersepadan) dan kerapkali kurang relevan dengan konteks keperluan akar umbi. Cuba apa yang akan berlaku, misalnya, jika seorang Gubernur dan Bupati atau Walikota sebagai pengetua kerajaan sebuah negeri di Indonesia minta bantuan dan saranan kepada para ahli sains sosial dan kemanusiaan untuk merancang dan mengamalkan strategi pembangunan di negerinya?

Sepertimana diatur dalam Undang-Undang Otonomi Daerah (Akta Autonomi Negeri) di Indonesia tahun 1999 bahawa didalam mengedepani cabaran semasa, sama ada dari dalam maupun dari luar negara di era teknologi maklumat yang boleh merentasi negara-bangsa tanpa sempadan, maka diperlukan kebolehan mentadbir yang cekap dan profesional dalam memanfaatkan modal insan dan persekitaran serta pengagihan belanja negara yang proporsional diantara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri. Kepelbagaian kebolehan negeri-negeri di Indonesia juga sepatutnya diambilkira dan dikenalpasti, agar ianya selari dengan semangat demokrasi dan cogan kata daripada jata negara: *bhinneka tunggal ika* (kesatuan dalam kepelbagaian atau *unity in diversity*). Sememangnya, UU (Undang-Undang) No. 22 tahun 1999 telah memberi "kemahuan politik" (*political will*) kepada para elite pentadbir negeri untuk menyelesaikan pelbagai kelemahan dalam sistem politik sentralisasi seperti pada masa kerajaan Orde Baru (1965-1998). Namun gerakan Reformasi dan keadaan krisis yang berlaku berterusan tidaklah mudah untuk mengamalkan "kemahuan politik" berkenaan. Kesediaan modal insan yang cekap dan profesional di mana-mana negeri di Indonesia - yang setakat ini masih bertumpu duduk di pulau Jawa sahaja - menjadi salah sebuah punca daripada dasar

desentralisasi (nyah pusat) ini sukar diamalkan. Budaya feodal, kroni dan rasuah malah meriah berlaku di mana-mana negeri di Indonesia. Oleh itu perlu rancangan dan pelan dasar politik baru yang tegas bahawa kerajaan dimana-mana negeri di Indonesia harus mengambil berat pada bidang pendidikan sebagai arus perdana dalam pembangunan nasional. Kerana hanya pendidikan sahaja yang boleh mengubah watak dan kualiti modal insan agar lebih cekap, profesional, bermoral, punya semangat dan etika membangun yang kuat (Gaffar, 2004; dan Supriadi, 2004).

Pada saat dasar desentralisasi (nyah pusat) dan autonomi daerah (negeri) di Indonesia dijadikan pilihan orientasi dan wawasan perubahan bagi masyarakat, maka mahu tidak mahu ianya patut mengambilkira untuk memperkasakan peranan warga negara dan jabatan demokrasi yang wujud di seantero negeri. Justeru itu, pembinaan dasar autonomi daerah (negeri) tidak bererti memansuhkan peranan kerajaan pusat sekali, tapi untuk memperkasakan dan memberangsangkan peranan warga negara dalam konteks pembinaan modal insan. Kerajaan negeri juga perlu proses pembangunan yang terancang dan pelan yang bersepada agar usaha mencerdaskan kehidupan demokrasi yang sihat dan dinamik di peringkat negeri boleh berlaku dengan baik dan semula jadi, selari dengan kepelbagaiannya sosial-budaya di mana-mana negeri. Disedari pula bahawa usaha membangun masyarakat negeri seperti itu, didalam masa peralihan dan keadaan kritikal, perlu keazaman dan kecekapan dari para ahli masyarakat, elite pentadbir negeri dan dari pihak kerajaan negeri itu sendiri. Utamanya dalam konteks untuk membuka wacana debat politik di peringkat awam yang terbuka, jujur, ikhlas dan tanpa prasangka negatif. Di samping itu, kerajaan di peringkat negeri juga perlu menggesa mana-mana yang menjadi hak dan kewajiban masyarakat agar menyedari fungsi dan peranannya sebagai warga negara yang merdeka, sama ada merdeka dalam membincang pendapatnya secara lisan mahupun tulisan. Di sinilah pentingnya peranan strategik daripada jabatan-jabatan demokrasi, sama ada parti politik, media massa, parlemen, kerajaan dan NGO (*Non Governmental Organization*) mahupun jabatan-jabatan pendidikan dari peringkat Pengajian Tinggi sehingga sekolah

rendah, agar boleh mengamalkan budaya-politik yang sihat dan matang (Al-Muchtar, 2001).

Walhal, izinkanlah kami untuk mendedahkan semula kedudukan dan peranan etika dan nilai-nilai murni demokrasi dalam memperkasakan amalan autonomi daerah (negeri) di Indonesia. Pada kami, demokrasi bukanlah sesebuah konsep yang sudah berakhir, khasnya dalam membina paradigma dan dasar politik baru pada masa autonomi negeri. Cabaran yang wujud dalam mengamalkan dasar politik ini perlu segera direspons secara positif dan kreatif. Modal insan dan modal sosial yang wujud di pelbagai negeri merupakan faktor penting bagi membina negeri agar maju selari dengan hala tuju pembangunan negara. Etika dan nilai-nilai murni dalam demokrasi yang bercorak universal perlu dikenalpasti dan diamalkan selari dengan karakteristik sosial-budaya mana-mana negeri di Indonesia. Di negeri Jawa Barat contohnya, dimana duduk etenik Sunda yang dominan, wujud cogankata yang relevan dengan etika dan nilai-nilai murni demokrasi, iaitu: "*silih asah, silih asuh dan silih asih*". Ertinya, mana-mana warga negara yang duduk di negeri Sunda harus sedia, tidak setakat untuk bersaing dan berkongsi sahaja, tapi perlu saling percaya, taat-setia dan saling menyayangi secara sihat, matang dan sebenar (Harsojo, 2004; dan Ekadjati, 2005).

Jawatan-jawatan sosial dan budaya yang wujud di pelbagai negeri sememangnya memiliki kekuatan sebagai sesebuah sub-sistem daripada sistem politik kebangsaan yang boleh dikembangkan berdasarkan pada Rukun Negara, Pancasila; dan Akta Negara, Undang-Undang Dasar 1945. Hala tuju daripada sub-sistem ini patut selari dengan sistem nilai yang tumbuh dan berkembang dalam masyarakat Indonesia. Justeru nilai-nilai budaya di mana-mana negeri yang pelbagai itu boleh diamalkan sebagai kekuatan untuk mengedepani perbalahan, sama ada yang bercorak vertikal mahupun horizontal, kerana ianya mengandungi "kearifan budaya tempatan". Di sini pula peranan dan kedudukan IPT (Institusi Pengajian Tinggi) di mana-mana negeri untuk memperkasakan dan menjayakan proses pembangunan negeri di era desentralisasi (nyah pusat) dan autonomi negeri di Indonesia. Perkara pembinaan modal insan yang berkualiti, cekap dan profesional, serta gali-kaji daripada nilai-nilai budaya tempatan yang selari dengan proses pembangunan adalah

merupakan tugas perdana daripada IPT di mana-mana negeri di Indonesia. Walhal, pihak kerajaan di peringkat negeri patut menjadikan "pendidikan" sebagai arus perdana dalam proses pembangunan, kerana pendidikan yang berterusan akan melahirkan modal insan yang sedia menjayakan hala tuju dan proses pembangunan di Indonesia (Gaffar, 2004; dan Supriadi, 2004). Kedudukan dan peranan daripada ahli-ahli sains sosial dan kemanusiaan didalam IPT di mana-mana negeri tersebut patut juga diperkasakan.

### RUMUSAN

Dariuraian di atas kiranya dapat dirumuskan bahawa menghidupkan semula etika dan nilai-nilai murni dalam demokrasi boleh diamalkan untuk memperkasakan peranan dan kecerdasan warga negara Indonesia dalam kehidupan politik. Sedangkan untuk memperkasakan pengamalannya pula patut disepadukan dengan konteks kepentingan dan keperluan autonomi negeri yang pelbagai di Indonesia. Justeru itu, parti-parti politik yang wujud di Indonesia sepatutnya ditumbuh-kembangkan bukan setakat sebagai alat kekuasaan sahaja tapi ianya sebagai media untuk mencerdaskan warga negara dalam kehidupan politik dan memperkasakan kualiti demokrasi secara berterusan.

Mencerdaskan warga negara tidak setakat pada ranah (*domain*) pengetahuan dan teori mengenai demokrasi sahaja, tapi patut dikembangkan kecekapan dan kematangan dalam mengamalkan politik berdemokrasi selari dengan etika dan nilai-nilai murni yang berasaskan pada budaya Indonesia. Justeru itu, demokrasi yang dikembangkan di Indonesia adalah patut selari juga dengan nilai-nilai budaya di mana-mana negeri yang mengandungi "kearifan tempatan" dalam konteks mengamalkan dasar politik desentralisasi (nyah pusat) dan autonomi negeri. Oleh itu, proses pendidikan yang berterusan untuk memperkasakan demokrasi patut dijadikan arus perdana dalam rancangan pembangunan di mana-mana negeri di Indonesia. Pembinaan demokrasi juga tidak boleh memansuhkan nilai-nilai sosial-budaya yang wujud di mana-mana negeri. Sebaliknya, demokrasi yang universal itu patut selari dan bersepodu dengan etik dan nilai-nilai murni yang menjadi keyakinan dan

pedoman hidup daripada bangsa Indonesia, yang realitinya secara etenik, agama dan budaya memang pelbagai. Walhal, inilah cabaran dalam pembinaan demokrasi di Indonesia yang memerlukan respons positif dan kreatif daripada ahli-ahli sains sosial dan kemanusiaan, termasuklah ahli sains pendidikan, utamanya dalam konteks mengamalkan dasar politik desentralisasi dan autonomi negeri di era Reformasi yang tengah berlaku sehingga kini.

## Bibliografi

- Abdullah, Taufik. (2001). *Sejarah dan Nasionalisme*. Bandung: Satya Historika.
- Abdullah, Taufik [ed.]. (2006). *Ilmu Sosial dan Tantangan Zaman*. Jakarta: Rajawali Pers.
- After, David E. (1997). *Pengantar Analisa Politik*. Terjemahan. Jakarta: Rajawali Pers.
- Al-Muchtar, Suwarma. (1998). *Pengantar Studi Hukum Tata Negara*. Bandung: Gelar Pustaka Mandiri.
- Al-Muchtar, Suwarma. (2000). *Epistemologi Pendidikan Ilmu Sosial*. Bandung: Gelar Pustaka Mandiri.
- Al-Muchtar, Suwarma. (2001). *Pengantar Studi Sistem Politik Indonesia*. Bandung: Gelar Pustaka Mandiri.
- Al-Muchtar, Suwarma. (2002). "Civics Education in the Perspective of Educating Democracy for Civil Society". Paper persented in Conference on Civics Education for Civil Society in Papandayan Hotel, Bandung, Indonesia.
- Al-Muchtar, Suwarma. (2004). "Learning Environment for New Indonesia Civic Education in Global Perspectives". Paper persented in Seminar on the Need for New Indonesian Civics Education, March 29, 2004 in Bandung, Indonesia.
- Alwasilah, A. Chaedar & Hobir Abdullah [eds.]. (2003). *Revitalisasi Pendidikan Bahasa*. Bandung: STBA-YAPARI-ABA Press.
- Anwar Ibrahim. (1998). *Renesains Asia: Gelombang Reformasi di Ambang Alaf Baru*. Terjemahan. Bandung: Penerbit Mizan.
- Brownhill, Robert. (1989). *Political Education*. London: Routledge.
- Budiardjo, Miriam. (1999). *Dasar-dasar Politik*. Jakarta: PT Gramedia, cetakan ke-10.
- Capra, Fritjof. (1997). *Titik Balik Peradaban: Perubahan Masyarakat dan Kebangkitan Kebudayaan*. Terjemahan. Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya.
- Diamond, Larry & Plattner F. Marc. (1998). *Nasionalisme, Konflik Etnik dan Demokrasi*. Terjemahan. Bandung: Penerbit ITB.
- Druverger, L. (1990). *Sosiologi Politik*. Terjemahan. Jakarta: Rajawali Pers.

- Eangle, Shirley H. & Anna S. Ochoa. (1998). *Education for Democratic Citezenship: Decision Making in The Social Studies Teachers College*. New York and London: University of New York.
- Ekadjati, Edi S. (2005). *Kebudayaan Sunda: Suatu Pendekatan Sejarah, Jilid 1*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Gaffar, Mohammad Fakry. (2004). *Membangun Pendidikan Nasional untuk Meningkatkan Kualitas dan Martabat Bangsa Indonesia*. Bandung: IKA UPI Press.
- Harsojo. (2004). "Kebudayaan Sunda" dalam Asmawi Zainul & Didin Saripudin [eds.]. *50 Tahun Jurusan Pendidikan Sejarah, 1954-2004: Mozaik Pemikiran tentang Sejarah, Pendidikan Sejarah dan Budaya*. Bandung: Historia Utama Press.
- Hasan, Said Hamid. (2007). "Kurikulum Sejarah dan Pendidikan Sejarah Lokal" dalam Agus Mulyana & Restu Gunawan [eds.]. *Sejarah Lokal: Penulisan dan Pembelajaran di Sekolah*. Bandung: Salamina Press.
- Hikam, A.S. (1996). *Demokrasi dan Civil Society*. Jakarta: Penerbit LP3ES.
- Ibrahim, R. (2007). "Pandangan Dasar Mengenai Kurikulum". *Makalah* tidak diterbitkan di UPI Bandung.
- Kartodirdjo, Sartono. (1992). *Pendekatan Ilmu-ilmu Sosial dalam Metodologi Sejarah*. Jakarta: PT Gramedia.
- Mahfud M.D., Moh. (1999). *Demokrasi dan Konstitusi di Indonesia: Studi tentang Interaktif dan Kehidupan Ketatanegaraan*. Jakarta: Penerbit LP3ES.
- Mann, Richard. (1999). *Fight for Democracy in Indonesia*. Australia: Gateway Books.
- Mursh, David W. (2000), *Democratic Social Education: Social Studies for Social Change*. New York: Falmer Press.
- Noer, Deliar. (1996). *Mohamad Hatta: Biografi Politik*. Jakarta: LP3ES.
- Rahman Embong, Abdul. (2006). *Negara-Bangsa: Proses dan Perbaasan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Rahman Embong, Abdul [ed.]. (2006). *Peranan dan Orientasi Sains Sosial Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM, Edisi Baru.
- Razaq Ahmad, Abdul & Andi Suwirta. (2007). *Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Perspektif Malaysia dan Indonesia*. Bandung: Historia Utama Press.
- Sherley, Engle H. (1999). "Education for Democratic Citizenship Decision: Making in the Social Studies" in Print Murray *et al.* [eds.]. *Civic Education for Civil Society*. Kuala Lumpur: ASEAN Academic Press.
- Shusta, Robert M. *et al.* (1995). *Multiculture Law Enforcement: Strategies for Peacekeeping in Diverse Society*. New Jersey: Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Simandjuntak, Jisman. (1993). *Negara Integralistik di Indonesia*. Jakarta: LP3ES.
- Soedjatmoko. (1986). *Dimensi Manusia dalam Pembangunan*. Jakarta: LP3ES.
- Supriadi, Dedi. (2004). *Membangun Bangsa Melalui Pendidikan*. Bandung: Rosda Karya.
- Suwirta, Andi & Abdul Razaq Ahmad [eds.]. (2007). *Pendidikan Sejarah & Historiografi Nasional-Sentrik: Konteks Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam*. Bandung: Historia Utama Press.
- Wilson, Geofrey. (2000). *Dosa-dosa Politik Orde Baru*. Terjemahan. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Winataputra, Udin S. & Dasim Budimansyah. (2007). *Civic Education: Konteks, Landasan, Bahan Ajar dan Kultur Kelas*. Bandung: Sekolah Pascasarjana UPI.

